

RM70 juta untuk keseluruhan pembangunan sistem PICK



KERAJAAN memperuntukkan RM70 juta bagi pengurusan dan pencapaian PICK, pembangunan dashboard pelaporan harian PICK, integrasi sistem bagi menghubungkan pangkalan data MySejahtera dan sistem sedia ada Kementerian Kesihatan.

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM 27 Mei 2021, 9:34 pm

PUTRAJAYA: Peruntukan RM70 juta bagi pembangunan sistem teknologi dalam talian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bukan hanya semata-mata bagi tujuan pembinaan laman web.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin berkata, jumlah peruntukan itu meliputi pengurusan dan pencapaian PICK, pembangunan *dashboard* pelaporan harian PICK, integrasi sistem bagi menghubungkan pangkalan data MySejahtera dan sistem sedia ada Kementerian Kesihatan.

Beliau menjelaskan, ini termasuk pembangunan laman portal pendaftaran vaksin, sistem pengesanan dan pendaftaran vaksinasi serta pembangunan perkhidmatan *google map* dalam MySejahtera.

“Selain itu ia turut melibatkan pembangunan sistem genomik survelan dan sistem survelan imunisasi, perolehan sistem pengurusan *queue mobile* untuk Pusat Pemberian Vaksin (PPV), integrasi sistem pasport digital dalam MySejahtera, sistem pengurusan logistik dan rangkaian penghantaran vaksin.

“Jumlah ini juga termasuk pengendalian pusat pengendalian *call center*, sistem MyVac bagi pengurusan mobilisasi sukarelawan dalam pelaksanaan PICK, penghantaran sistem khidmat ringkas (SMS) dan panggilan telefon bagi peringatan vaksinasi sebelum tarikh janji temu.

“Jadi RM70 juta bukan untuk laman web sahaja tetapi meliputi semua yang disenaraikan dalam kenyataan ini. Itu pun adalah kos siling, tidak semestinya peruntukan sebenar yang akan dibelanjakan kerajaan,” katanya dalam sidang akhbar secara maya hari ini.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies

Beliau mengulas berikutan Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) yang menuntut jawapan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu berhubung persoalan yang dibangkitkan rakyat berkaitan laman sesawang pendaftaran vaksin Covid-19 dan mempertikaikan kos RM70 juta untuk membangunkan sistem laman sesawang yang dianggap bermasalah itu.

Sementara itu, Khairy memaklumkan bahawa Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba telah menandatangani

perjanjian dengan syarikat Pfizer pada 21 Mei lalu untuk penambahan sebanyak 12.8 juta dos.

“Penambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan dos meningkat kepada 44.8 juta dan ini bermakna negara akan menerima penghantaran 25,682,670 dos vaksin Pfizer pada suku ketiga tahun ini,” katanya.

Beliau turut memaklumkan sejumlah 2,223,000 dos vaksin Pfizer akan diterima pada bulan Jun depan dengan 444,600 dos akan dihantar setiap minggu bagi tempoh lima minggu.

“Ini bermakna, keseluruhan vaksin Pfizer yang telah dan akan diterima sehingga akhir Jun ialah 4,974,840,” katanya.

Bagi vaksin Sinovac pula, Khairy berkata, kesemua tempahan melibatkan 12 juta dos akan dihantar sepenuhnya pada Jun dan Julai depan.


Katanya, ia merangkumi 5,089,800 produk fill and finish daripada kilang Pharmaniaga di Malaysia serta 6,910,200 dos produk siap di kilang daripada kilang Sinovac di Beijing, China.

“Bagi vaksin AstraZeneca pula, kita dijangka menerima 610,000 dos pada bulan Jun dan 410,000 dos pada bulan Julai yang mana ia masih tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah,” ujarnya.


Tambah beliau dengan penghantaran kesemua vaksin terbabit, pihaknya menjangkakan dapat memberi 150,000 suntikan sehari pada bulan Jun nanti dengan melibatkan lebih banyak pusat pemberian vaksin di seluruh negara. –
UTUSAN

BERITA SELANJUTNYA


by



PdPR bakal
dilanjut hingg... This Bitcoin App
Earns Him... Tiada
pengasingan...



Inilah Cara
Menjana Wan... Daftar vaksin
AstraZeneca... Tonton aksi
Harimau Mala...



Guru tipu
pelaburan em... 1,800 individu
tidak 'muncul'... Vida jumpa
Ahmad Faizal...

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

POPULAR



SEMBANG MUAMALAT

Oleh
Yusry Yusoff (IBFIM)



Memahami Malar teknologi digital

28 Mei 2021, 11:04 am


'Tinggalkan' keluarga demi Islam

28 Mei 2021, 11:03 am



Puntung rokok Winston Churchill dilelong RM25,100

28 Mei 2021, 11:00 am




'Patuh SOP: Keselamatan penting' – Kudsia Kahar

28 Mei 2021, 10:55 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.





Peluang keemasan Kim Young-dae

Dah jumpa nenek, Seung-gi, Da-in, mahu kahwin

Lizzy mabuk, kemalangan jalan raya

Kata-kata semangat si kekasih buat Kwang-soo

Morbidelli buru podium kedua

Semak kiblat masing-masing hari ini

BERITA BERKAITAN



Laman web ini akan menyimpan
dan menggunakan data cookies
anda bagi meningkatkan
pengalaman sepanjang berada di
laman web kami.

Puntung rokok Winston Churchill dilelong RM25,100

28 Mei 2021, 11:00 am



'Patuh SOP: Keselamatan penting' – Kudsia Kahar

28 Mei 2021, 10:55 am



Insiden LRT: Laluan kecemasan tidak stabil, bahagian tapak patah

28 Mei 2021, 10:46 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

Etidal dedah ancaman senjata nuklear

28 Mei 2021, 10:45 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.